



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL &
HAJAH ROZIANA BINTI HAJI MAHMUD

Perguruan Melayu Wanita Brunei Pra-Merdeka: Kajian Perkembangan dan Perubahan

RESUME: Profesi perguruan mempunyai peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Artikel ini – dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur, termasuk temubual didalamnya – membicarakan perkembangan dan perubahan Perguruan Melayu Wanita pra-merdeka di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh 1914 hingga 1983. Institusi perguruan bermula dengan perguruan tidak terlatih dengan pendidikan tidak formal. Kemunculan Residen British telah mempengaruhi institusi perguruan dengan penubuhan Sekolah Melayu pada tahun 1914. Sejak itu perguruan Melayu mula mengalami perubahan apabila bilangan pelajar wanita dan sekolah semakin bertambah, yang menyebabkan tenaga guru amat diperlukan. Hanya setelah tahun 1950-an, barulah institusi perguruan Melayu mula berkembang seiring dengan penubuhan Maktab Perguruan Melayu Brunei dan juga pemikiran ibu bapa yang lebih terbuka kepada anak-anak perempuan untuk bersekolah dan menceburi dalam bidang perguruan. Selain daripada itu, dorongan kerajaan dalam mempergiatkan peluang pekerjaan menjadi penyebab kepada penyertaan wanita dalam bidang perguruan bagi menabur bakti kepada bangsa dan negara. Perubahan ini drastik terus berlaku sehingga tahun 1983, apabila kaum wanita mendominasi bidang perguruan Brunei berbanding kaum lelaki.

KATA KUNCI: Institusi Perguruan Melayu; Wanita Brunei; Perubahan Sosial dan Politik.

ABSTRACT: “The Malay Teachers Institution for Brunei Women in the Pre-Independence: Review on Developments and Changes”. The teaching profession plays an important role in the development of a country. This article – using a qualitative approach, historical method, and literature review, including interviews in it – talks about development and change the Malaya Teachers Institution in the pre-independence for Women in Brunei Darussalam in 1914 to 1983. The period begins with education institutions are not trained with informal education. The emergence of the British Resident has affected education institutions with the establishment of the Malay School in 1914. Since then the Malays Teacher Institution began to change when the number of female students and schools are growing, which causes much-needed the teachers. Only after 1950s, then the Malay education institutions began to grow in tandem with the establishment of the Brunei Malay Teachers College and also thought parents were more open to girls to go to school and get into the teaching profession. Apart from that, the government’s encouragement in intensifying employment opportunities is the reason for the participation of women in the field of teaching to spread devotion to the nation and country. This drastic change continued until 1983, when women dominated the field of Brunei education over men.

KEY WORD: Malay Teachers Institution; Brunei Women; Social and Political Changes.

About the Authors: Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah di Akademi Pengajian Brunei UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam. Dr. Hajah Roziana binti Haji Mahmud ialah Graduan Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD. Bagi urusan sebarang akademik, Penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: asbol.mail@ubd.edu.bn dan dianza_1701@hotmail.com

Suggested Citation: Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Hajah Roziana binti Haji Mahmud. (2020). “Perguruan Melayu Wanita Brunei Pra-Merdeka: Kajian Perkembangan dan Perubahan” in *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 13(2), November, pp.93-112. Bandung and Banda Aceh, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI and FISIP UNSYIAH, with ISSN 1979-0112 (print) and ISSN 2622-6855 (online).

Article Timeline: Accepted (August 31, 2020); Revised (September 16, 2020); and Published (November 30, 2020).

PENDAHULUAN

Profesion perguruan mempunyai peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Kepentingan ini jelas apabila mereka memainkan peranan melalui proses pendidikan dalam melahirkan tenaga manusia yang berilmu dan berkemahiran. Dalam membangun sesebuah negara tidak boleh disangkal bahawa peranan manusia berilmu dan berkemahiran amat diperlukan. Tanpanya, negara tidak akan dapat membangun dengan baik dan lancar, sungguhpun sesebuah negara itu mempunyai sumber alam semulajadi yang banyak. Hal ini terbukti mana-mana negara yang mempunyai sumber tenaga manusia berkemahiran yang tinggi dengan mudah mencapai kemajuan dan tamadun yang tinggi. Lantaran itu, kerjaya sebagai guru merupakan profesion yang mulia, kerana tanggungjawab mereka bukan sahaja membentuk manusia berilmu tetapi juga berakhlak mulia. Bak kata pepatah “guru ibarat sebatang lilin membakar diri semata-mata untuk memberi cahaya kepada orang lain”.

Awal kemunculan perguruan di Brunei bermula dengan pendidikan Islam oleh pendakwah luar, apabila Islam mula berkembang di negara ini. Mereka menyebarkan Islam melalui pendidikan dan seterusnya menjadi guru dengan mengajar masyarakat Brunei di rumah-rumah persendirian, surau, masjid, dan istana apabila penganut agama Islam semakin ramai (Bakar, 2008b:2; Bakar, 2013; dan Najtama, 2018).

Masyarakat Brunei mudah menerima ajaran Islam, kerana para ulama menggunakan bahasa yang mudah dan senang difahami. Lagipun ajaran agama Islam mudah untuk diterima oleh akal secara logik berbanding dengan pengaruh agama Hindu-Buddha yang penuh dengan acara ritual, di samping mengamalkan sistem kasta. Selain itu, ulama-ulama luar ini biasanya mempunyai peribadi yang mulia, berilmu, penyabar, dan tidak sombong. Ciri-ciri inilah mudah memikat hati masyarakat tempatan untuk menganut Islam.

Hasil didikan dan ajaran ulama-ulama luar sebagai guru, maka lahirlah anak-anak tempatan yang berkemahiran dalam bidang agama. Mereka ini kemudiannya memainkan peranan menjadi guru bersama-sama ulama luar. Mereka tidak hanya mengajar di rumah, surau, masjid, dan istana, bahkan juga mendirikan balai sebagai tempat mengajar. Institusi perguruan tradisi lebih bersifat informal yang dipelopori oleh Menteri-menteri Ugama, imam, dan orang-orang persendirian yang mempunyai pengetahuan agama yang baik.

Apabila Residen British mula memperkenalkan sekolah Melayu pada tahun 1914, barulah muncul institusi perguruan formal yang ditadbir dengan lebih teratur.

Artikel ini - dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur, termasuk temubual didalamnya (Ibrahim, 2000; Sjamsuddin, 2016; dan Rahman, 2017) - mahukan membincangkan mengenai perkembangan dan perubahan perguruan Melayu wanita di Negara Brunei Darussalam pra-merdeka dalam tempoh 1914 hingga pada tahun 1983. Mereka ini adalah anak-anak tempatan berkelulusan dari Sekolah Melayu. Pemerihalannya yang nak dibincang adalah: (1) *Perguruan Melayu Era Residen British, Tahun 1914-1949*; (2) *Perguruan Melayu Era Sultan Omar Ali Saifuddin III, Tahun 1950-1967*; dan (3) *Perguruan Melayu Era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Tahun 1967-1983*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perguruan Melayu Era Residen British, Tahun 1914-1949. Di peringkat awal, institusi perguruan formal Brunei dipelopori oleh perguruan Melayu. Hal ini berlaku kerana sistem pendidikan formal paling awal di negara Brunei ialah sekolah Melayu. Kemudian diikuti oleh sekolah China dan Inggeris. Bagaimanapun, institusi perguruan Melayu seperti perguruan Islam di zaman tradisi pada awalnya didominasi oleh guru-guru luar. Apabila sekolah Melayu dibuka pada tahun 1914, guru pertama sekolah ini ialah Abang Zaidi, yang berasal dari Sarawak. Kerajaan Brunei terpaksa meminjam khidmat guru dari luar, kerana anak-anak Brunei memang tidak ada yang pandai untuk dijadikan sebagai guru di sekolah Melayu pada ketika itu. Sistem persekolahan formal memang lebih awal diperkenalkan di Sarawak, semasa pentadbiran Brooke lagi (Adanan, 1994:38; Mail & Suwirta, 2018; dan Mail, 2020).

Apabila sekolah Melayu semakin berkembang maju, maka hasil didikan dari sekolah ini ada di antaranya anak-anak tempatan yang menunjukkan kebolehan dan layak untuk dilantik sebagai guru. Semasa era pentadbiran Residen British, mereka yang diambil menjadi guru adalah terdiri daripada calon-calon yang berkelulusan darjah lima atau enam. Murid-murid yang lulus dalam kelas tersebut tidak perlu memohon untuk menjadi guru. Apa yang penting adalah minat dan kemahuan menjadi guru sudahlah mencukupi.

Maka dengan itu, seorang pegawai pelajaran akan datang ke sekolah-sekolah untuk mencari calon guru. Salah seorang yang berpengalaman dalam pengambilan calon guru ialah Awg Haji Zainal bin Panjang dalam tahun 1940-an. Pegawai pelajaran akan memasuki kelas darjah lima atau enam, dan menyuruh murid-murid yang ingin menjadi guru mengangkat tangan. Setelah nama ditulis, kemudiannya

mereka ini dilantik menjadi guru tidak terlatih. Hal ini terus berlaku pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Pengambilan bakal guru begitu mudah, kerana Brunei pada masa itu benar-benar memerlukan tenaga pengajar. Dari sinilah asas mulanya kemunculan institusi perguruan formal di kalangan anak-anak tempatan berdasarkan lantikan guru tidak terlatih. Mereka dikenali sebagai “guru tidak terlatih”, kerana mereka diambil terus menjadi guru tanpa menjalani kursus dan latihan perguruan. Jika mereka sudah menghadiri dan lulus kursus perguruan di maktab perguruan, sama ada di dalam negeri atau luar negeri, maka mereka akan dikenali sebagai “guru terlatih”, kerana mereka sudah tahu tentang selok-belok pengajaran dari segi kaedah, pentadbiran, psikologi, dan kegiatan luarnya, kerana ianya lebih bersistematik (Damit, Mail & Tengah, 2014:165; Hidayati & Fikriyah, 2016; dan Mahmud, 2020).¹

Oleh itu, jika diambil kira tarikh kewujudan sekolah Melayu pada tahun 1914, maka dalam jangka masa lima ke enam tahun dari tarikh tersebut, atau kira-kira sekitar tahun 1918 dan 1919, merupakan tarikh awal institusi perguruan formal di kalangan anak-anak tempatan dalam bentuk guru tidak terlatih. Tarikh ini diandaikan kerana pada masa itu kemungkinan sudah ada anak-anak tempatan yang berkelulusan darjah lima atau enam, yang diambil menjadi guru. Mereka inilah menjadi tenaga pengajar di sekolah-sekolah Melayu, bersama-sama dengan guru luar, yang pada masa itu masih diperlukan tenaga mereka.

Pihak kerajaan menyedari bahawa guru-guru Melayu perlu diberikan latihan dan kursus perguruan, supaya pengajaran mereka lebih berkesan dan teratur. Oleh kerana dalam era pentadbiran Residen British ini Brunei belum mempunyai Maktab Perguruan, maka guru-guru tidak terlatih perlu dihantar keluar negeri bagi mengikuti kursus perguruan. Hal ini dilakukan pada tahun 1918, apabila seorang guru tidak terlatih dihantar untuk mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Melayu Melaka di Malaysia sekarang. Pada tahun berikutnya, iaitu tahun 1919, dua orang lagi dihantar di maktab yang sama. Jika mengambil kira kursus yang diikuti oleh guru-guru pelatih ini dalam jangka masa tiga tahun, maka pada tahun 1920, boleh dikatakan bermulanya kemunculan institusi perguruan guru terlatih di kalangan anak-anak Brunei. Memandangkan jumlah yang dihantar ini begitu minima, boleh dikatakan masih ramai guru-guru tidak

¹Lihat pula, contohnya, Temubual dengan Hajah Kamsiah binti Dato Haji Yusof, Cikgu, di Kampong Mata-mata, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 12hb Mac 2012; dan Temubual dengan Hajah Norani binti Haji Mohidin, Cikgu, di Kampong Bengkurong, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 28hb Mac 2017.

terlatih yang bertugas di sekolah-sekolah Melayu di Brunei ketika itu.

Walaupun kursus perguruan sudah diperkenalkan, tetapi kebanyakan guru-guru yang dihantar merupakan guru lelaki. Tidak ada seorang pun guru wanita; sehinggalah pada tahun 1930, anak-anak perempuan belum ramai diizinkan untuk memasuki alam persekolahan. Masalah kekurangan guru wanita sememangnya telah menjadi isu besar kepada kerajaan Brunei, kerana kerajaan mahukan keseimbangan dalam pendidikan di antara pelajar lelaki dan wanita. Dengan adanya guru wanita, kerajaan dapat menjangkakan ibu bapa akan lebih mudah untuk membenarkan anak-anak perempuan mereka hadir ke sekolah. Pentadbiran British sudah lama sedar dan mengambil contoh di Eropah, bahawa kaum wanita juga mempunyai peranan dalam pembangunan negara. Tetapi perkara ini tidak terdapat dalam minda masyarakat Brunei ketika itu.

Isu kekurangan guru wanita jelas apabila dicatat dalam Laporan Tahunan Brunei 1936, yang menyatakan bahawa tidak ada seorang pun guru wanita yang mengajar di sekolah-sekolah disebabkan sikap ibu bapa tidak mengizinkan anak-anak perempuan mereka untuk bersekolah. Hanya seorang guru wanita sahaja yang mengajar murid perempuan, tetapi beliau bukan seorang guru tempatan.

Pada tahun 1937, seramai enam orang guru wanita telah dihantar ke Maktab Perguruan Melayu Melaka. Berbanding dengan guru wanita, keramaian guru lelaki adalah dua kali ganda, iaitu seramai 29 orang, sepertimana yang boleh dilihat dalam jadual 1, yang menunjukkan peratus guru lelaki sebanyak 97%; manakala guru wanita hanyalah 3% sahaja. Manakala pada tahun 1939, keramaian guru wanita telah mencapai 9 orang dan guru lelaki 34 orang, namun dari perkembangan ini jelas kemunculan guru wanita masih belum menyerlah (Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).² Lihat semula jadual 1.

Institusi perguruan tidak terlatih bagi kaum wanita boleh dikatakan bermula pada tahun 1937. Ini berdasarkan adanya seramai 6 orang guru wanita tidak terlatih telah dihantar ke Maktab Perguruan Melayu Melaka, di Malaysia sekarang, untuk melayakkan mereka sebagai guru terlatih. Kemunculan mereka sebagai guru tidak terlatih boleh dikatakan sebagai perkembangan awal perguruan Melayu wanita di Negara Brunei Darussalam. Jumlah wanita Melayu menjadi guru hanya sedikit sahaja; dan ini disebabkan oleh keengganan para ibu bapa untuk melepaskan anak-anak mereka, baik lelaki ataupun

²Lihat pula, contohnya, *State of Brunei: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Brunei for the Year 1936*. Singapore: Government Printing Office.

Jadual 1:
Perangkaan Keramaian Guru Melayu Seluruh Negeri Brunei
dalam Zaman Residen British, Tahun 1914-1949

Tahun	Lelaki	Wanita	Jumlah	% Guru Lelaki	% Guru Wanita
1914	-	-	-	-	-
1915	-	-	-	-	-
1916	-	-	-	-	-
1917	1	-	1	-	-
1918	1	-	1	-	-
1919	2	-	2	-	-
1920	2	-	2	-	-
1921	-	-	-	-	-
1922	-	-	-	-	-
1923	-	-	-	-	-
1924	-	-	-	-	-
1925	-	-	-	-	-
1926	-	-	-	-	-
1927	-	-	-	-	-
1928	-	-	-	-	-
1929	-	-	-	-	-
1930	2	-	2	-	-
1931	-	-	-	-	-
1932	2	-	2	-	-
1933	2	-	2	-	-
1934	3	-	3	-	-
1935	3	-	3	-	-
1936	29	1	30	97%	3%
1937	33	6	39	85%	15%
1938	41	8	49	84%	16%
1939	34	9	43	79%	21%
1940	54	12	66	82%	18%
1941	63	5	68	93%	7%
1942	-	-	-	-	-
1943	-	-	-	-	-
1944	-	-	-	-	-
1945	-	-	-	-	-
1946	63	13	76	83%	17%
1947	72	15	87	83%	17%
1948	74	15	89	83%	17%
1949	87	15	102	85%	15%

Sumber: *Report on the State of Brunei for the Year 1916*, Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit]; “*Report on the State of Brunei for the Year 1917*”, *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; “*Report on the State of Brunei for the Year 1919*”, *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; *Report on the State of Brunei for the Year 1922*, Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit]; *Report on the State of Brunei for the Year 1923*, Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit]; *Report on the State of Brunei for the Year 1925*, Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit]; *Report on the State of Brunei for the Year 1926*, Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit]; “*Report on the State of Brunei for the Year 1932*”, *Arkib Tidak*

Diterbitkan, wujud dan tersedia pada Penulis; "Report on the State of Brunei for the Year 1934", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "Report on the State of Brunei for the Year 1935", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1941", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; *State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1948*, Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit]; dan Awang Haji Mohsin bin Haji Abu Bakar (2008a).

perempuan, untuk melanjutkan pelajaran keluar negeri. Ibu bapa masih belum mempunyai fikiran terbuka dalam bidang perguruan, kerana adanya perasaan melindungi anak perempuan mereka, sebagaimana yang digambarkan oleh pepatah Melayu bahawa "menjaga anak perempuan lebih sukar daripada menjaga sekandang kerbau". Ini sekaligus menunjukkan bahawa ibu bapa merasa phobia kepada sesuatu yang tidak diingini boleh berlaku kepada anak-anak perempuan mereka, semasa berada di seberang laut.

Ketegasan ibu bapa terhadap anak lelaki agak longgar sedikit berbanding dengan anak-anak perempuan. Tetapi ada juga setengah ibu bapa yang memang tegas dan tidak membenarkan sama sekali anak-anak mereka dihantar keluar negeri, walaupun kerajaan Brunei menyediakan biasiswa dalam bidang perguruan. Jadi, jelaslah institusi guru wanita tertinggal selama 18 tahun berbanding dengan perguruan lelaki di Brunei. Kewujudan institusi perguruan wanita Brunei mula muncul pada akhir tahun 1930-an. Mereka tercicir kerana budaya masyarakat Brunei ketika itu menghalang kaum wanita daripada menghadiri pendidikan formal. Budaya ini boleh dikatakan sebagai lanjutan daripada pendidikan balai sebelumnya.

Pada tahun 1941 menunjukkan bahawa guru-guru wanita menurun kepada 5 orang, sepertimana dalam jadual 1. Penurunan ini berlaku disebabkan teretusnya Perang Dunia Kedua (1939-1945), apabila tentera Jepun menduduki Brunei. Demi menjaga keselamatan anak-anak perempuan dari gangguan tentera Jepun, ibu bapa di Brunei tidak membenarkan mereka untuk terlalu bebas di luar rumah, termasuk datang ke sekolah. Sungguhpun demikian, guru-guru lelaki menunjukkan peningkatan, sehingga tahun 1941 terdapat seramai seramai 63 orang guru lelaki di Brunei. Angka tersebut memperlihatkan bahawa bilangan guru wanita masih sedikit. Hanya pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua tamat dan suasana negara kembali aman, maka barulah sekolah-sekolah seluruh negeri mula dibuka. Pada tahun 1946, keramaian guru lelaki adalah seramai 63 orang (83%) berbanding dengan 13 orang guru wanita (17%). Kadar peratus antara guru lelaki dan guru wanita ini sama, sehinggalah pada tahun 1948.

Pada tahun 1949, buat pertama kalinya selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan Brunei telah menghantar 2 orang guru pelatih wanita Brunei mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Perempuan di Melaka. Ini menunjukkan kerajaan tetap meneruskan rancangan untuk mendapatkan guru-guru wanita di Brunei sebagai guru terlatih, meskipun dalam bilangan yang begitu minima. Tenaga pengajar di kalangan wanita memang diperlukan untuk mengajar, terutama murid-murid perempuan. Mereka juga diperlukan sebagai pendorong kepada ibu bapa bagi membenarkan lebih ramai anak-anak perempuan untuk dihantar belajar ke sekolah-sekolah. Penghantaran guru-guru wanita ke Maktab Perguruan Perempuan di Melaka berterusan, walaupun era pentadbiran Residen British telah tamat. Pada tahun 1949, terdapat 87 orang guru lelaki (85%), manakala guru wanita pula seramai 15 orang (15%), termasuk dengan guru wanita tidak terlatih. Ini bermakna bilangan guru lelaki masih banyak berbanding dengan guru wanita (Bakar, 2008b:44; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).

Pada tahun 1936, kadar peratus guru-guru wanita pada awalnya hanyalah 3%. Bagaimanapun, angka ini terus meningkat dari setahun ke setahun apabila pada tahun 1948, kadarnya meningkat kepada 17% berbanding dengan guru lelaki. Kadar peningkatan yang berterusan membayangkan bahawa perubahan sikap yang positif di kalangan ibu bapa untuk membenarkan anak-anak perempuan memasuki alam persekolahan dan seterusnya menjadi guru. Masyarakat Brunei sudah tidak menghalang bagi kaum wanita untuk menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan, termasuk sebagai guru. Mereka tidak lagi semestinya berperanan di rumah diceruk-ceruk dapur yang berdebu dan berasap, tetapi keluar sebagai serikandi negara dengan menabur bakti sebagai pendidik dan pengajar kepada generasi muda.

Perguruan Melayu Era Sultan Omar Ali Saifuddien III, Tahun 1950-1967. Dalam pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III, tahun 1950-1967, telah banyak perubahan yang dilakukan oleh baginda. Salah satu bidang yang mendapat perhatian baginda ialah pendidikan. Di zaman baginda, sekolah-sekolah telah banyak dibina dan bilangan pelajar, termasuk pelajar perempuan, juga terus meningkat. Dengan perkembangan ini bererti tenaga guru juga diperlukan. Lantaran itu, perancangan mewujudkan lebih ramai guru dilakukan semasa pemerintahan baginda.

Penghantaran guru-guru wanita bagi mendapatkan latihan perguruan diteruskan pada tahun 1950. Mereka tidak hanya dihantar ke Maktab Perguruan Melayu Melaka, iaitu MWTC (*Malay Women*

Trainning College), tetapi juga ke Maktab Perguruan Kent di Sabah. Ini menunjukkan bahawa tenaga guru wanita diperlukan dan digalakkan di zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III. Dengan penghantaran pelajar perempuan ke Sabah ini dikirakan ibu bapa akan lebih bertolak ansur dan membenarkan anak-anak mereka mengikut latihan perguruan, kerana ianya lebih dekat dengan Brunei berbanding dengan Melaka.

Keperluan tenaga pengajar bagi berkhidmat di Sekolah Rendah Melayu semakin berkembang pada tahun 1950-an, apabila bilangan sekolah-sekolah yang baru dibina dan pelajar yang memasuki sekolah semakin meningkat. Ketika itu, peranan guru-guru Melayu sebagai golongan terpelajar tidak hanya berperanan sebagai guru dan pentadbir di Jabatan Pelajaran, tetapi juga dalam perkhidmatan awam yang lain. Ini menunjukkan pada ketika itu Brunei benar-benar kekurangan golongan terpelajar untuk sama-sama menggerakkan pentadbiran kerajaan. Sebahagian besar pentadbiran awam masih memerlukan khidmat tenaga luar, sama ada dari TM (Tanah Melayu) mahupun dari UK (*United Kingdom*). Bagi menangani isu kekurangan guru di Brunei ketika itu, Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanah Melayu bersedia menambah bilangan pengambilan dari Brunei kepada 5 orang setahun (Damit, Mail & Tengah, 2014:167; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).

Menyedari akan kekurangan guru perempuan, Jabatan Pelajaran telah mengadakan kursus dan latihan mengajar kepada guru-guru yang tidak terlatih. Kelas ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan mereka diajar lima jenis kursus utama, iaitu Ilmu Hisab (Matematik), Ilmu Alam (Geografi), Tawarikh (Sejarah), Bahasa Melayu, serta Teori dan Amali Pelajaran. Setelah itu barulah guru-guru pelatih ini diberikan peluang untuk melanjutkan kursus dan latihan perguruan di luar negara. Contohnya, pada tahun 1951, hanya terdapat 5 orang murid perempuan yang dicalonkan menjadi guru dan dari jumlah tersebut hanya 2 orang sahaja yang berminat menjadi tenaga pengajar, sepertimana dalam jadual 2. Kedua-dua guru tidak terlatih tersebut telah dihantar ke Maktab Perguruan Durian Daun, Melaka, di Malaysia sekarang, untuk menjalani kursus perguruan. Mereka ialah Dayang Zaitunah binti Abdul Khan dan Dayang Hindun binti Abd Latif (Bakar, 2008b:44; Damit, Mail & Tengah, 2014:167-168; dan Mahmud, 2020).³ Lihat semula jadual 2.

³Lihat pula "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1952". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis, ms.29.

Jadual 2:
Perangkaan Keramaian Guru Melayu Seluruh Negeri Brunei
dalam Zaman Sultan Omar Ali Saifuddien III, Tahun 1950-1967

Tahun	Lelaki	Wanita	Jumlah	% Guru Lelaki	% Guru Wanita
1950	77	3	80	96%	4%
1951	93	9	102	91%	9%
1952	124	10	134	93%	7%
1953	145	12	157	92%	8%
1954	172	16	188	91%	9%
1955	180	30	210	86%	14%
1956	38	12	50	76%	24%
1957	69	14	83	83%	17%
1958	65	14	79	82%	18%
1959	-	-	-	-	-
1960	-	-	-	-	-
1961	-	-	-	-	-
1962	-	-	-	-	-
1963	139	39	178	78%	22%
1964	-	-	-	-	-
1965	-	-	-	-	-
1966	582	280	862	68%	32%
1967	-	-	-	-	-

Sumber: "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1950", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1952", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "State of Brunei: Annual Report 1953", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "State of Brunei: Annual Report 1955", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; *State of Brunei: Annual Report 1957*, Sarawak: t.p. [tiada penerbit]; "Triennial Report for 1955 to 1957", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "Brunei Education Department of 1957", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "State of Brunei: Annual Report 1957", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; "State of Brunei: Annual Report 1958", *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis; *State of Brunei: Annual Report 1963*, Kuala Belait: The Brunei Press; JP [Jabatan Pelajaran] (t.th.); Haji Mohammad Noor bin Chuchu (1990); Dayang Yus Sa'bariah Haji Adanan (1994); dan Haji Awang Asbol bin Haji Mail (2006).

Bagi melayakkan kedua-dua ini menjadi guru terlatih, mereka telah dihantar ke Maktab Perguruan Durian Daun, Melaka, untuk menjalani kursus perguruan. Penghantaran guru wanita ke Maktab Perguruan Daun, Melaka, dari tahun 1950 sehingga pada tahun 1960, hanya hanya 15 orang sahaja yang dihantar. Di antara mereka yang terpilih dalam tempoh ini ialah Dayang Hajah Madiyah binti Abd Hamid, Dayang Hajah Ajibah binti Haji Umar, Dayang Hajah Asiah binti Abd Latif, Dayang Hajah Armah, dan Dayang Hajah Kamsiah binti Dato Haji Yussof (Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).⁴

⁴Lihat semula, contohnya, Temubual dengan Hajah Kamsiah binti Dato Haji Yusof, Cikgu, di Kampong Mata-mata, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 12hb Mac 2012.

Pada tahun 1955, bilangan guru-guru Melayu wanita bertambah kepada 30 orang; dan guru-guru lelaki pula seramai 180 orang. Perangkaan ini menunjukkan guru-guru wanita telah mencapai kepada 14%, sementara guru-guru lelaki pula sebanyak 86%. Selain daripada itu, terdapat juga pelajar perempuan yang dihantar ke Maktab Perguruan Kent, Tuaran, Sabah, Malaysia bagi mendapatkan latihan perguruan selama dua tahun, bermula pada tahun 1956. Contohnya, Rabiah binti Ariff, Halimah binti Bungsu, Saleha binti Salim, Safiah binti Dato Haji Mohd Yusof, Dk Seri Alam binti Pengiran Daud, dan Masuah binti Mahmud, yang mana mereka ini telah tamat latihan perguruan pada tahun 1958 (Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).⁵

Apabila mereka tamat menjalani latihan perguruan, mereka telah diambil menjadi guru tetap dengan gaji sebanyak \$ (Dollar Brunei) 100 ke \$ 204 sebulan. Sebagai contoh, jumlah murid perempuan dan guru di Sekolah Rendah Masin, pada tahun 1960, seramai 90 orang murid perempuan; manakala guru wanita pula seramai 6 orang. Oleh itu, dengan adanya guru wanita tempatan, maka ibu bapa mula berasa yakin untuk menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah dan membenarkan anak mereka untuk menceburi kerjaya sebagai guru. Maka dengan peningkatan pelajar yang berminat untuk memasuki bidang perguruan, kerajaan memikirkan perlunya penubuhan sebuah Maktab Perguruan Melayu di Brunei (Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).⁶

Apabila Maktab Perguruan Melayu Brunei dibuka pada tahun 1956, seramai 64 orang guru tidak terlatih diambil untuk mengikuti kursus perguruan selama tiga tahun di maktab berkenaan. Kursus yang diajarkan di maktab berkaitan dengan bidang perguruan, terutama sekali dari segi kaedah pengajaran, psikologi kanak-kanak, pendidikan seni, dan latihan jasmani (Bakar, 2008a:57; Damit, Mail & Tengah, 2014; dan Mahmud, 2020).

Pada tahun 1962, kerajaan di bawah kepimpinan Sultan Omar Ali Saifuddin III terus mengambil langkah untuk mengukuhkan, memperbaiki, dan memajukan lagi sosial dan ekonomi rakyat Brunei. Antaranya ialah memajukan bidang pendidikan bagi mendapatkan lebih ramai anak-anak tempatan yang berkelayakan dan berpendidikan tinggi. Akan tetapi, pergolakan politik

⁵Lihat pula, contohnya, "BRO/80.7/58: Appointment of Che Halimah binti Bungsu as Trained Teachers". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Wujud dan tersedia pada Penulis; dan "BRO/756/57: Application of Hafisah binti Haji Mohamad as Religious Teacher". *Dokumen Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.

⁶Lihat pula, contohnya, Temubual dengan Haji Abdul bin Ahmad, Cikgu, di Kampong Pengkalan Batu, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 18hb November 2016.

telah berlaku apabila pemberontakan pada tahun 1962,⁷ dan isu kemasukan Brunei ke dalam Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1963 telah mengakibatkan perkembangan perguruan Melayu menerima kesan negatif. Hal ini berlaku apabila Pusat Latihan Perguruan di Berakas digunakan sebagai pusat tahanan, manakala Sekolah Melayu Bunut dijadikan sebagai pusat pemulihan anggota pemberontak yang telah ditangkap (Tuah, 1997:192; JPA, 2013:145; dan Mahmud, 2020).

Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan anak perempuan dalam kalangan masyarakat Brunei semakin meningkat selepas peristiwa Pemberontakan 1962. Mereka tidak hanya dihantar ke sekolah bagi membolehkan pandai membaca dan menulis, bahkan digalakkan untuk mendapat pekerjaan, terutama di sektor kerajaan. Dengan mendapat pekerjaan, bukan saja dapat menjana pendapatan sendiri bahkan juga boleh membantu ekonomi keluarga. Selain itu, Sultan Omar Ali Saifuddin III sering turun pandang menggalakkan anak-anak Brunei untuk meningkatkan pendidikan mereka. Pada tahun 1954, contohnya, baginda telah menitahkan Jabatan Pelajaran supaya melahirkan lebih ramai guru-guru untuk Sekolah Rendah Melayu dalam tempoh sepuluh tahun. Saranan baginda ini telah menyebabkan peningkatan pelajar perempuan memasuki alam persekolahan dan sekaligus menambah bilangan guru-guru wanita bagi Sekolah Melayu (JP, t.th.:6; Ahmad, 2003; Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).

Manakala pada tahun 1963, keramaian guru-guru Sekolah Melayu adalah sebanyak 178 orang; dan dari jumlah tersebut, 139 orang merupakan guru lelaki dan 39 orang guru wanita. Ini bererti guru lelaki sebanyak 78%, manakala guru wanita pula hanyalah 22%. Walaupun jurang peratus antara guru lelaki dan guru wanita Sekolah Melayu jauh berbeza, tetapi dari perangkaan sudah menunjukkan peningkatan hampir tiga kali ganda dari tahun sebelumnya. Hal ini jelas apabila adanya guru-guru perempuan tempatan telah semakin ramai mengajar di Sekolah-sekolah Melayu.

Selain daripada itu, juga bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar adalah penting bagi guru wanita mempunyai hubungan keluarga dengan penduduk setempat atau dekat dengan kawasan

⁷Pemberontakan ini berlaku pada 8hb Disember 1962. Pemberontakan ini berlaku disebabkan Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1962-1966. PRB (Parti Rakyat Brunei) menyokong untuk menyertai Malaysia dengan syarat sebagai satu entiti bersatu dengan wilayah Utara Borneo. Walau bagaimanapun, sebelum kejayaan pemilihan PRB, sebuah sayap ketenteraan dibentuk dan dikenali sebagai TNKU (Tentera Nasional Kalimantan Utara), yang mana pemimpnnya adalah A.M. Azahari. Beliau menginginkan Brunei untuk menjadi sebuah negara kesatuan tanpa ada Sultan dan menjadi NKKU (Negara Kesatuan Kalimantan Utara). Maka dari situ meletus pemberontakan, yang mana beliau telah merekrut pegawai yang telah dilatih dalam peperangan bawah tanah di Indonesia dan menyerang bandar seria, stesen polis, dan kemudahan kerajaan. Selanjutnya, lihat Haji Zaini bin Haji Ahmad (2004:90-94).

kampung halaman itu sendiri. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Cikgu Hajah Norani binti Haji Mohidin bahawa selepas beliau menamatkan latihan perguruan pada tahun 1963, beliau telah ditempatkan di Sekolah Rendah Bunut, iaitu tempat di mana kawasan beliau tinggal. Justeru, apabila ada masalah yang melibatkan pelajar perempuan, maka beliau dapat menasihati pelajar tersebut. Nasihat beliau amat disegani, kerana bukan saja sebagai guru dan juga kerana adanya pertalian saudara dengan pelajar tersebut (Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).⁸

Pada tahun 1966, jumlah guru Melayu wanita telah meningkat kepada tujuh kali ganda berbanding pada tahun 1963, apabila bilangan mereka mencecah 280 orang. Sementara itu, guru Melayu lelaki pada tahun tersebut seramai 582 orang. Ini menunjukkan pada tahun 1966, guru-guru Melayu wanita telah mencapai hampir 50% dari keramaian keseluruhan guru-guru Melayu pada masa itu. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh adanya Maktab Perguruan Melayu Brunei, yang membolehkan guru-guru menjalani latihan perguruan di dalam negeri sahaja. Ini menjadi daya pendorong kuat bagi ibu bapa untuk membenarkan anak-anak perempuan mereka menjadi guru. Oleh itu, ketakutan untuk melepaskan anak perempuan keluar negeri sudah tiada. Lagipun pada masa itu, kerjaya sebagai guru amat disanjung tinggi dan dihormati oleh masyarakat Brunei.

Pengambilan guru-guru Melayu wanita masih dipergiatkan sebagaimana, menurut Cikgu Hajah Norani binti Haji Mohidin, bahawa beliau menjadi guru pelatih pada tahun 1960, dengan cara diambil oleh pegawai dari Jabatan Pelajaran di sekolah-sekolah. Beliau mengajar sehingga pada tahun 1963, sebelum memasuki Maktab Perguruan Brunei. Ketika mengikuti latihan perguruan tersebut, beliau hanya mempunyai peluang untuk menjalani latihan pada sebelah petang hari Jumaat dan Ahad sahaja. Ini kerana beliau diperlukan untuk mengajar setiap hari Isnin sehingga Sabtu. Selain daripada itu juga, masyarakat Brunei, khususnya penduduk di Kampung Air, amat mengharapkan anak-anak mereka, sama ada lelaki atau perempuan, untuk berkhidmat dengan kerajaan, sama ada sebagai pentadbir atau guru. Mereka menganggap bahawa dengan berkhidmat pada kerajaan, seseorang individu itu dianggap mempunyai status sosial dan ekonomi yang tinggi (Damit, Mail & Tengah, 2014; Mail & Suwirta, 2018; Mahmud, 2020; dan *ibidem* nota kaki 8).⁹

⁸Temubual dengan Hajah Norani binti Haji Mohidin, Cikgu, di Kampong Bengkurong, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 28hb Mac 2017.

⁹Lihat pula, contohnya, "Discovering Brunei" dalam surat khabar *New Nation*, pada 2hb February 1974, ms.7.

Perguruan Melayu Era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Tahun 1967-1983. Apabila KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Hassanal Bolkiah memerintah Brunei, baginda masih meneruskan agenda ayahandanya dalam meningkatkan kemajuan sektor pendidikan dan perguruan. Kelayakan yang diperlukan untuk menjadi guru semakin meningkat, sesuai dengan peredaran dan perkembangan pendidikan yang ditempuhi oleh masyarakat Brunei. Pengambilan bakal guru, yang pada awalnya cuma berkelulusan darjah lima atau enam, beransur-ansur telah diubah dan dinaikkan tarafnya. Apabila Brunei mengikuti peperiksaan awam yang diadakan oleh Malaysia dan kemudian Singapura, maka kelulusan peperiksaan inilah yang menjadi sukatsukat dalam mengukur kelayakan seorang pelajar untuk diambil menjadi guru terlatih.

Apabila peperiksaan SRPM (Sijil Rendah Pelajaran Malaysia) yang diduduki semasa Tingkatan III diperkenalkan pada akhir tahun 1960-an, maka dengan sendirinya pengambilan guru yang berkelulusan darjah enam ditiadakan pada tahun 1970-an. Maka kelayakan untuk menjadi guru ditingkatkan kepada kelulusan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), yang setaraf dengan peperiksaan GCE (*General Certificate Education*) "O" level. Kerajaan Brunei melihat perubahan ini, apabila semakin ramai pelajar yang lulus dalam peperiksaan awam dari berbagai peringkat. Oleh itulah, taraf pengambilan guru juga perlu dipertingkatkan; sebab jika tidak, keadaan tidak selaras, maka akan wujud dimana guru kelulusan darjah enam akan mengajar pelajar tingkatan tiga. Oleh itu, pada tahun 1968, keramaian guru Melayu wanita adalah 281 orang. Ini menunjukkan bahawa keramaian guru wanita semakin bertambah berbanding pada tahun 1950-an.

Ini jelas dilihat dalam jadual 3 bahawa, dari tahun 1968 hingga 1983, jumlah guru Melayu wanita yang mengajar di sekolah-sekolah di keempat-empat daerah semakin meningkat. Ini menunjukkan bahawa pandangan masyarakat terhadap pendidikan dan pekerjaan perguruan terus berubah, terutama kepada kaum wanita. Dari tahun 1968 hingga 1970, guru Melayu di kalangan golongan wanita berjumlah lebih 200 orang setiap tahun daripada bilangan keseluruhan guru. Jumlah ini meningkat kepada lebih 300 orang setiap tahun dalam tempoh antara 1971 hingga 1973. Lihat semula jadual 3.

Sementara itu, dari tahun 1974 hingga 1977, bilangannya telah mencapai lebih 400 orang setahun. Ini kerana apabila Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah ditubuhkan pada tahun 1972, penghantaran anak-anak tempatan untuk mengikuti latihan perguruan ke luar

Jadual 3:
Perangkaan Keramaian Guru Melayu Seluruh Negeri Brunei dalam Zaman KDYMM
(Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Tahun 1967-1983

Tahun	Lelaki	Wanita	Jumlah	% Guru Lelaki	% Guru Wanita
1967	-	-	-	-	-
1968	685	281	966	71%	29%
1969	746	242	988	76%	24%
1970	770	256	1,026	75%	25%
1971	865	338	1,203	72%	28%
1972	901	363	1,264	71%	29%
1973	915	373	1,288	71%	29%
1974	869	463	1,332	65%	35%
1975	908	411	1,319	69%	31%
1976	934	416	1,350	69%	31%
1977	932	427	1,359	69%	31%
1978	1,284	773	2,057	62%	38%
1979	1,495	884	2,379	63%	37%
1980	1,557	955	2,512	62%	38%
1981	1,638	1,085	2,723	60%	40%
1982	1,677	1,204	2,881	58%	42%
1983	1,725	1,287	3,012	57%	43%

Sumber: *State of Brunei: Annual Report 1967*, Bandar Brunei: Simon Marinus Buse; *Annual Report on Brunei for the Year 1969*, Bandar Brunei: Simon Marinus Buse; *State of Brunei: Annual Report 1971*, Bandar Brunei: Simon Marinus Buse; "Laporan Jabatan Pendidikan, 1968-1978", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, ada dan tersedia pada Penulis; "Laporan Tahunan 1977", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, ada dan tersedia pada Penulis; dan "Educational Statistics of Brunei Darussalam, 1978-1987", *Unpublished Document*, available and owned by the Authors.

negeri mula dihentikan. Oleh itu, seramai 25 orang telah dipilih dalam pengambilan pertama, termasuk tiga orang guru pelatih perempuan yang mempunyai kelulusan tiga tahun pendidikan menengah dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Malaysia (Damit, Mail & Tengah, 2014:172; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).

Pada tahun 1972 itu juga, Maktab Perguruan Melayu Brunei kemudiannya ditukar namanya menjadi Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah. Bermula pada tahun 1975, syarat kelayakan minima untuk memasuki latihan perguruan mula ditingkatkan kepada kredit dalam empat mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran peringkat biasa (Damit, Mail & Tengah, 2014:173; Mail & Suwirta, 2018; dan Mahmud, 2020).

Sejak Maktab Perguruan ini diperkenalkan, guru-guru terlatih dapat membantu kerajaan mengatasi masalah kekurangan guru dengan mengajar di Sekolah Rendah dan Menengah. Manakala mata pelajaran yang diajar tidak sahaja tertumpu pada satu mata pelajaran,

tetapi juga pada mata-mata pelajaran lain. Bagi guru-guru terlatih yang mengikuti latihan perguruan dalam aliran Melayu, mereka ini akan mengajar mata pelajaran dalam Bahasa Melayu (JP, t.th.:10; Damit, Mail & Tengah, 2014; dan Mahmud, 2018).

Sehingga tahun 1983, bilangan guru-guru wanita sudah mencecah 1,287 orang, atau 43% daripada jumlah keseluruhan guru di Brunei. Dengan senario ini jelas di zaman pemerintahan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Hassanah Bolkiah, institusi perguruan wanita Brunei berkembang maju dan semakin menyaingi guru-guru lelaki. Martabat sosial dan ekonomi mereka, sebagai golongan pendidik dan guru, tidak boleh dinafikan sudah meningkat dan hampir setaraf dengan guru lelaki. Malah dikatakan kaum wanita adalah guru terbaik, kerana mereka mempunyai sifat lemah-lembut dan keibuan berbanding dengan kaum lelaki. Semakin ramai wanita menceburi bidang perguruan, kerana bidang perguruan ini lebih dekat dengan kanak-kanak, selain untuk mencurahkan bakti kepada negara.

KESIMPULAN

Institusi perguruan formal bermula ketika dalam pentadbiran Residen British, yang telah memperkenalkan Sekolah Melayu pada tahun 1914. Sehubungan dengan itu, maka institusi perguruan juga bermula dengan perguruan Melayu. Sebelum tahun 1950-an, tidak dinafikan jumlah kaum wanita yang menceburi dalam kerjaya perguruan Melayu masih sedikit. Hal ini disebabkan oleh sikap dan faktor ibu bapa, yang keberatan untuk membenarkan anak-anak perempuan mereka dalam menceburi bidang perguruan. Walau bagaimanapun, senario ini telah mengalami perubahan, bermula dari tahun 1960-an, yang menunjukkan bahawa semakin ramai wanita telah memasuki institusi perguruan Melayu Brunei.

Bilangan guru Melayu wanita semakin berkembang dan bertambah mengikut keperluan semasa dan juga disebabkan oleh peningkatan jumlah murid-murid yang belajar di sekolah. Selain daripada itu juga, perubahan sikap ibu bapa dan keluarga menjadi faktor perubahan, yang menyebabkan anak-anak perempuan telah digalakkan bersekolah dan seterusnya menceburi bidang perguruan. Oleh itu, perguruan Melayu wanita Brunei pra-merdeka dikatakan telah berkembang dan mengalami perubahan, sehingga ramai wanita telah berkecimpung dalam bidang perguruan.

Perkembangan ini nampaknya telah meninggalkan impak besar selepas Brunei mencapai merdeka pada tahun 1984, apabila kaum

wanita telah mendominasi, bukan saja dalam bidang perguruan Melayu tetapi juga bidang perguruan keseluruhan. Kajian mengenai perubahan ini, sehingga kini, belum ada kajian tuntas untuk mengetahui puncunya.¹⁰

Referensi

- Adanan, Dayang Yus Sa'bariah Haji. (1994). "Sumbangan Orang Sarawak dalam Pendidikan Awal di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal" dalam *PUSAKA*, Bilangan 6. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Ahmad, Haji Zaini bin Haji. (2003). *Brunei Merdeka: Sejarah dan Budaya Politik*. Bandar Seri Begawan: De'Imas Printing and Trading Company.
- Ahmad, Haji Zaini bin Haji. (2004). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei, 1939-1962*. Bandar Seri Begawan: De'Imas Printing and Trading Company.
- Annual Report on Brunei for the Year 1969*. Bandar Brunei: Simon Marinus Buse.
- Bakar, Awang Haji Mohsin bin Haji Abu. (2008a). *Perguruan Melayu dan Inggris di Brunei, 1914-1983*. Bandar Seri Begawan: Penerbit UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Bakar, Awang Haji Mohsin bin Haji Abu. (2008b). "Perguruan Tradisi dalam Sejarah Pendidikan: Suatu Tinjauan Awal" dalam *Jurnal Darussalam*, Bilangan 10. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). "Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906-1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.113-124.
- "BRO/80.7/58: Appointment of Che Halimah binti Bungsu as Trained Teachers". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Wujud dan tersedia pada Penulis.
- "BRO/756/57: Application of Hafisah binti Haji Mohamad as Religious Teacher". *Dokumen Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "Brunei Education Department of 1957". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- Chuchu, Haji Mohammad Noor bin. (1990). "The Development of Education in Brunei Darussalam" in *Jurnal Pendidikan*, Bil.1, Thn.1. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum.
- Damit, Awang Haji Mohammad Yusop bin Haji Awang, Haji Awang Asbol bin Haji Mail & Ampuan Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah. (2014). *Evolusi dan Transformasi: Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-2014*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- "Discovering Brunei" dalam surat khabar *New Nation*, pada 2hb February 1974.
- "Educational Statistics of Brunei Darussalam, 1978-1987". *Unpublished Document*, available and owned by the Authors.
- Hidayati, Nuril & Ashfa Fikriyah. (2016). "Perempuan dan Politik, Antara Cita dan Fakta: Studi atas Peran Perempuan dalam Pembangunan di Brunei Darussalam" dalam *REALITA*, Vol.14, No.1 [Januari], ms.111-121.
- Ibrahim, Muhd Yusof. (2000). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan kedua.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (t.th.). *Laporan Tiga Tahun, 1964-1966*. Bandar Seri Begawan: Penerbit Jabatan Pelajaran.
- JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam]. (2013). *Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkhidmatan Awam.

¹⁰*Kenyataan*: Kami, dengan ini, membuat kenyataan bahawa artikel ini adalah dapatan penyelidikan kami berdua, ianya bukan dapatan dengan unsur plagiat, memandangkan semua sumber yang kami petik dan nukil dalam teks, samada terus mahupun tidak, disebutkan secara jelas dalam senarai Referensi. Artikel ini juga belum pernah dihantar untuk diwasiti atau untuk diterbitkan pada jurnal akademik lainnya. Kami bersedia menerima hukuman secara akademik, sekiranya apa-apa yang kami nyatakan ini tidak benar dan tidak selari dengan hakikat yang ada.

- "Laporan Jabatan Pendidikan, 1968-1978". *Dokumen Tidak Diterbitkan*, ada dan tersedia pada Penulis.
- "Laporan Tahunan 1977". *Dokumen Tidak Diterbitkan*, ada dan tersedia pada Penulis.
- Mahmud, Hajah Roziana binti Haji. (2018). "Perguruan Wanita: Sejarah Awal Pembabitan dan Perkembangannya (1930-1985)" dalam *Jurnal Darussalam*, Bilangan 18, ms.107-122.
- Mahmud, Hajah Roziana binti Haji. (2020). "Pendidikan Melayu Wanita Brunei, 1950-1985: Persekolahan Rendah dan Menengah" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), March, ms.73-86. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2020). "Pendidikan dan Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-1962: Satu Kajian Transformasi" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(2), September, ms.119-136.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Andi Suwirta. (2018). "Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah" dalam *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Volume 8(1), Juni, pp.11-26. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2088-1290.
- Najtama, Fikria. (2018). "Perkembangan Islam di Brunei" dalam *TASAMUH: Jurnal Studi Islam*, Vol.10, No.2 [September], ms.407-421.
- Rahman, Fatchor. (2017). "Menimbang Sejarah sebagai Landasan Kajian Ilmiah: Sebuah Wacana Pemikiran dalam Metode Ilmiah" dalam *EL-BANAT: Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni]. Wujud secara online pula di: <https://core.ac.uk/download/pdf/228963063.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2hb Mac 2019].
- "Report on the State of Brunei for the Year 1917". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "Report on the State of Brunei for the Year 1919". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "Report on the State of Brunei for the Year 1932". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "Report on the State of Brunei for the Year 1934". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "Report on the State of Brunei for the Year 1935". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- Report on the State of Brunei for the Year 1916*. Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit].
- Report on the State of Brunei for the Year 1922*. Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit].
- Report on the State of Brunei for the Year 1923*. Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit].
- Report on the State of Brunei for the Year 1925*. Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit].
- Report on the State of Brunei for the Year 1926*. Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit].
- Sjamsuddin, Helius. (2016). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- State of Brunei: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Brunei for the Year 1936*. Singapore: Government Printing Office.
- "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1941". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1948*. Kuala Lumpur: t.p. [tiada penerbit].
- State of Brunei: Annual Report 1957*. Sarawak: t.p. [tiada penerbit].
- "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1950". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "State of Brunei: Annual Report on Brunei for the Year 1952". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "State of Brunei: Annual Report 1953". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "State of Brunei: Annual Report 1955". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "State of Brunei: Annual Report 1957". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- "State of Brunei: Annual Report 1958". *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- State of Brunei: Annual Report 1963*. Kuala Belait: The Brunei Press.
- State of Brunei: Annual Report 1967*. Bandar Brunei: Simon Marinus Buse.

- State of Brunei: Annual Report 1971*. Bandar Brunei: Simon Marinus Buse.
- Temubual dengan Hajah Kamsiah binti Dato Haji Yusof, Cikgu, di Kampong Mata-mata, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 12hb Mac 2012.
- Temubual dengan Hajah Norani binti Haji Mohidin, Cikgu, di Kampong Bengkurong, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 28hb Mac 2017.
- Temubual dengan Haji Abdul bin Ahmad, Cikgu, di Kampong Pengkalan Batu, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 18hb November 2016.
- “Triennial Report for 1955 to 1957”. *Arkib Tidak Diterbitkan*, wujud dan tersedia pada Penulis.
- Tuah, Haji Duraman bin. (1997). *Pentadbiran Awam Brunei Darussalam di Period Naungan dan Pemerintahan Sendiri: Satu Kajian*. Bandar Seri Begawan: Institut Perkhidmatan Awam.



Dasar Pendidikan dan Peguruan di Brunei Darussalam

(Sumber: <http://www.kupu-sb.edu.bn>, 16/9/2019)

Apabila KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Hassanal Bolkiah memerintah Brunei, baginda masih meneruskan agenda ayahandanya dalam meningkatkan kemajuan sektor pendidikan dan perguruan. Kelayakan yang diperlukan untuk menjadi guru semakin meningkat, sesuai dengan peredaran dan perkembangan pendidikan yang ditempuhi oleh masyarakat Brunei. Pengambilan bakal guru, yang pada awalnya cuma berkelulusan darjah lima atau enam, beransur-ansur telah diubah dan dinaikkan tarafnya. Apabila Brunei mengikuti peperiksaan awam yang diadakan oleh Malaysia dan kemudian Singapura, maka kelulusan peperiksaan inilah yang menjadi sukut-sukat dalam mengukur kelayakan seorang pelajar untuk diambil menjadi guru terlatih.